

BAB V

PENUTUP

1. Kesimpulan

Berpandukan kepada hasil kajian yang telah dijalankan dan pengumpulan data-data dan fakta-fakta yang telah dianalisis di dalam bab-bab yang lalu, di sini penulis membuat kesimpulan dan sa-
ranan terhadap apa yang telah dianalisis itu. Kesimpulan-kesimpu-
lan yang dapat dibuat ialah:

1. Kesenian ialah cabang kebudayaan. Asosiasi kata kebudaya-
an di kalangan masyarakat umumnya adalah kesenian. Peng-
ertian kebudayaan menurut pandangan ilmu, meliputi selu-
ruh segi kehidupan. Dari berbagai-bagai pengertian, kedu-
dayaan dapat dirumuskan satu definisi yang diharapkan me-
ngandung titik persamaan dari definisi-definisi yang te-
lah sedia ada, iaitu suatu kebudayaan ialah cara berfi-
kir dan cara merasa yang menyatakan diri dalam seluruh
segi kehidupan sekelompok manusia yang membentuk masyara-
dalam suatu ruang dan suatu waktu.
2. Seni sebagai bidang kebudayaan selalu ditemukan dalam ti-
ap kebudayaan semenjak kebudayaan awal sampai kebudayaan
moden. Dalam kebudayaan Islam, hubungan agama dan seni
amatlah eratnya. Dalam kebudayaan barat, hubungan itu te-
lah putus, sehingga kesenian berfahaman sekularisme. La

hirilah aliran " seni untuk seni " dan " seni untuk sesu-
tu ". Seni sebenarnya adalah fitrah manusia yang menggo-
rakkannya untuk mencipta bentukbentuk kesenian.

3. Menurut pandangan Islam, seni tidak termasuk di dalam wi-
layah agama, tapi di dalam wilayah kebudayaan. Tetapi pe-
ngaruh atau pantulan agama kepada kebudayaan mungkin sa-
haja melahirkan seni sebagai bidang kebudayaan yang kedu-
dukannya setingkat dengan sosial, ekonomi, politik, peng-
etahuan dan teknik pada asasnya halal, selain daripada ,
perkara-perkara yang diharamkan Allah. Demikian juga ke-
udukan kesenian.
4. Menurut pandangan Islam lagi, kesenian itu adalah halal
dalam perkara-perkara tertentu dan digalakkan oleh Al
Quran dan hadis. Tetapi ini tidak bererti bahawa tiap un-
sur atau karya seni, tiap ciptaan atau materi seni itu
harus. Perlu dibedakan antara seni sebagai saluran dan
unsur atau bahan yang diisikan ke dalamnya antara seni
sebagai fitrah dan aktiviti-aktiviti yang membawakan fit-
rah itu. Tiap unsur atau bahan seni, tiap aktiviti atau
karya seni adalah haram kalau ia mengandungi nilai yang
dilarang oleh akhlak Islam. Dan tiap unsur atau aktiviti
seni adalah makruh, manakal menurut pandangan Islam sepa-
tutnya ia ditinggalkan.
5. Salah satu yang asasi dalam seni Islam ialah ia mestilah

mengandung moral, sekalipun tidak mengajarkan moral. Se
ni bukan sahaja mengandungi moral, bahkan ia se
sertilah
tertakluk kepada nilai-nilai akhlak Islam. Menurut pan-
dangan Islam, indah dan baik itu berkait rapat. Pandang-
an demikian tergambar dalam hadis-hadis berikut:

6. Negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang kaya dengan ba-
sil kesenian. Ianya dianggap sebagai gedung kebudayaan ,
di pantai Timur. Banyak permainan-permainan Tradisional,
yang diperkenalkan di negeri Cik Siti Wan Kembang, sepe-
ti wayang kulit, makyong, main puteri, wau dan lain-lain
lagi. Dan permainan tradisional rakyat negeri . Kelantan
yang paling popular ialah permainan Dikir Barat. Ia la-
hir hasil dari inspirasi permainan Dikir Laba yang lahir
di tahun 1940an. Akibat dari peredaran masa, banyak ber-
laku perubahan di dalam permainan Dikir Laba ini sehing-
ga melahirkan Dikir Barat.

7. Permainan Dikir Barat banyak dipengaruhi oleh bentuk-ben-
tuk permainan dari Thailand. Ini adalah kerana telah ber-
laku hubungan yang erat di antara kedua-dua negeri terse-
but. Walaupun satu masa dahulu Dikir Barat merupakan sa-
tu kesenian yang dapat berfungsi sebagai saluran komuni-
kasi dan juga menjadi hiburan yang dapat memberi kesan ,
terhadap apa yang disampaikan oleh Tukang Karut dan Jua-
ra. Tetapi kini, permainan Dikir Barat telah banyak ber-

ubah, samada dari segi bentuk, irama, tema dan corak persembahannya. Perubahan-perubahan yang berlaku ini juga, jelas bertentangan dengan nilai-nilai kesenian di dalam agama Islam.

8. Bentuk-bentuk permainan Dikir Barat yang ada pada hari ini, sedikit pun tidak mencerminkan nilai-nilai kesenian yang sebenarnya. Corak persembahannya tidak langsung mencerminkan akhlak-akhlak Islam dan dapat melahirkan rasa taqwa dan keimanan kepada Allah s.w.t. Ini kerana permainan Dikir Barat ini dijadikan sebagai alat hiburan dan untuk berseronok semata-mata.

9. Setiap kesenian yang bertentangan dengan agama Islam tidak harus dijalankan kerana bertentangan dengan nilai-nilai estetika, etika dan logika. Untuk membendung setiap penyelewengan yang berlaku terhadap nilai-nilai kesenian, langkah-langkah yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak-pihak tertentu bagi mengatasi permasalahan ini. Dengan ini kesenian Islam dapat dipancarkan dan unsur kemungkaran dapat dihapuskan.

2. Saranan dan cadangan

Bahagian ini, penulis mengemukakan cadangan-cadangan kepada pihak-pihak tertentu di dalam rangka untuk membentuk kesenian yang selaras dengan ciri-ciri keislaman, khususnya di dalam permainan

Dikir Barat. Saranan-saranan yang dirasakan patut diasbil ialah:

1. Untuk menghasilkan kesenian di dalam permainan Dikir Barat ini, hendaklah diiringi dengan memahami, mempelajari dan mengetahui tentang agama Islam itu. Tanpa berdasar - kan ilmu-ilmu keislaman, penulis merasakan percobaan dan hasrat itu terganggu sedikit. Namun seperti yang ditegaskan ruang lingkup unsur-unsur keislaman itu dapat digarap, keluasannya dan seseorang itu boleh berbicara menurut kemampuan yang ada padanya. Sekurang-kurangnya hasrat dan cita-cita untuk menghasilkannya sudah dikira permulaan dari ibadat.
2. Sebagaimana yang kita tahu bahawa permainan Dikir Barat banyak melibatkan beberapa unsur seperti alat musik yang memberikan berbagai nada dan irama yang diikuti pula dengan seni suara. Dalam hal ini, seni musik di dalam Islam seperti juga cabang kesenian yang lain harus mempunyai niat. Dalam Islam adalah diwajibkan sesuatu yang ingin , dilakukan itu mesti dengan niat kepada Allah, supaya apa yang dilakukan itu adalah kerana Allah dan untuk manfaat manusia sendiri. Dengan adanya niat dalam berseni ini , dapat membawa manusia ke arah kebenaran dan mendekatkan manusia kepada Allah.
3. Seperti juga seni-seni yang lain, seni musik dan seni suara juga harus berpangkalan kepada Allah dan berhukum,

kepada manusia. Di sinilah letaknya tanggungjawab kedua seni ini, iaitu harus mengandungi nilai-nilai akhlak kerana seni musik dan seni suara ini mempunyai implikasi yang besar kepada akhlak manusia. Oleh itu ada golongan sufi yang menganggap musik dan nyanyian pada umumnya ditinggalkan jika dikatakan meninggalkan kesan-kesan tertentu kepada kita. Iaitu terdapat kesan daripada musik dan nyanyian itu boleh membawa kita ke suatu arah yang merosakkan diri dan keimanan kita. Ini sudah pasti bertentangan dengan nilai-nilai estetika yang berfungsi memberi hiburan semata-mata di samping penyampaian nilai-nilai akhlak yang dapat menyampaikan rasa seni, keimanan dan ketaqwaan.

4. Tema yang ingin dibawa oleh Juara dan Tukang Karut mestilah tema yang berunsurkan Islam atau bercakap tentang Islam serta dapat menyeru pendengar-pendengar untuk menghayati Islam dan menginsafi diri sendiri. Terdapat di kalangan Tukang Karut dan Juara Dikir Barat ini terdiri dari mereka yang benar-benar ahli bermain dengan kata-kata. Disusunnya kata-kata itu kerana bunyinya, kerana iramanya, kerana bentuk hurufnya. Ada yang menyusun macam mengatur batu bata untuk dijadikan berbagai-bagai rajah untuk mendapat kesan indera lihatan semata-mata, sedangkan dari sudut maknanya tidak ada apa-apa pun perkembangan kesenian yang beginilah boleh memabukkan rasa dan melupa

kan kebenaran hakiki.

5. Satu kesimpulan dapat dibuat, penyelenggaraan permainan Dikir Barat terutamanya di dalam pemilihan tema dan bentuk-bentuk permainannya, tidak semestinya tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan agama sahaja. Justeru itu ruang lingkup kesenian yang diebrikan oleh Islam amat luas seluas alam ini. Apa juga objek dapat di bangunkan dan apa juga subjek dapat dibicarakan. Tidak mengira pertemaannya, alirannya dan bentuknya yang asal sahaja ia berpusat kepada ketauhidan dan tidak merosakkan. Definisi kesenian Islam atau yang berunsurkan Islam jangan sama sekali ditakrifkan sebagai satu ilham yang bukan di dalamnya mesti ada ayat-ayat Al Quran dan Hadis sahaja. Sebenarnya apa sahaja yang dipersembahkan dapat diterima oleh Islam, cuma ia harus memberikan preferensi dan rujukan kepadanya, supaya dapat disaring dari sudut implikasi dan akibatnya.
6. Sesungguhnya permainan Dikir Barat seperti juga dengan seni-seni yang lain, tidak bercanggah dengan Islam sekiranya kebenaran-kebenaran hakiki itu dijadikan landasan dalam proses penciptaan. Permainan Dikir Barat ini pada dasarnya bukan dilarang oleh Islam sekiranya ia tidak bercanggah dengan Islam. Tetaui ada bahayanya bila seni seumpama itu boleh dijadikan alat untuk mengembangkan aspek-aspek yang merosakkan. Seni boleh meliar merata-rata

tanpa tujuan yang suci, mencari sudut-sudut kejahilan dan kelemahan manusia dan mempengaruhinya.

7. Diharapkan suatu hari nanti akan ada orang-orang yang a-rif di bidang keagamaan ini untuk tampil menggantikan ahli-ahli permainan Dikir Barat yang kurang pengetahuan mereka di bidang keagamaan. Dengan ini segala bentuk-bentuk penyelewengan dengan nilai-nilai kesenian Islam dapat digantikan dengan ciri-ciri kesenian dan kebudayaan. Setiap hasil seni yang berada di dalam ruang lingkup agama Islam akan dapat dirasa keindahannya, kerana Allah s. w. t sendiri sukakan keindahan. Dan Islam jelas menolak konsep sekular ini.
8. Melalui pihak Kementerian Kebudayaan Dan Pelancongan hendaklah bertanggungjawab terhadap perkembangan kesenian rakyat, bukan hanya alat untuk pelancongan dan hiburan semata-mata.
9. Dan kepada pihak Majlis Agama Islam patut mengambil daya usaha dalam membantu pihak kerajaan memastikan setiap permainan tradisional tidak bercanggah dengan akidah Islam, sedara tidak langsung hendaklah diserapkan ciri-ciri kebudayaan Islam ke dalam setiap aspek permainan Dikir Barat dan lain-lain lagi.